

12/11/2000

Warga Berjiwa Besar buat PM sebak

Jamudin Idris

WALAUPUN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jarang dapat meluangkan masa dengan kegiatan sastera, tetapi beliau begitu tersentuh dengan sesetengah puisi yang menyangkut maruah bangsa dan wawasannya.

Bukan sekali beliau sebak ketika mendeklamasikan puisi. Ada ketikanya beliau sebak ketika penyair mendeklamasikan sesebuah puisi. Ini yang dapat dilihat ketika beberapa pemenang Sayembara Puisi Hari Kebangsaan mendeklamasikan puisi pada Hari Puisi Nasional VX di Langkawi baru-baru ini.

Puisi bertajuk Warga Berjiwa Besar karya Gunawan Mahmood dideklamasikan oleh tujuh johan sayembara iaitu Thazali Mohd Elah, Ahmad Asri Khalbi, Ahmad Shukri Abdullah, Maarof Seman RS, Nor Zailani Mohd Nuzi, Nor Afliza Arshad dan Inspektor Rosbaini Kassim.

Puisi itu dideklamasikan pada majlis perasmian Hari Puisi Nasional yang dilakukan Perdana Menteri baru-baru ini. Beliau juga menyampaikan Anugerah Penyair Gapena 2000 kepada Affrini Adham.

Antara ungkapan yang menyentuh perasaan Perdana Menteri dalam sajak yang dideklamasikan oleh Asri dan Shukri ialah:

Apa yang ada dalam hatimu
siapa pun tidak mengetahui, kecuali Dia
jiwa besarmu seperti belantara
kami yang kerdil tak dapat meneroka
lantas ada yang mendakwa
belantaramu adalah rimba liar
membelit, merecup dan menjalar
sedang sebenarnya
kau berbuat sesuatu
yang kami belum mengerti.